



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Nor Hashimah Jalaluddin (2023). Elemen bahasa, budaya dan persekitaran dalam ekolinguistik. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2, 1–22. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.1>

ELEMEN BAHASA, BUDAYA DAN PERSEKITARAN DALAM EKOLINGUISTIK

*(The Elements of Language,
Culture and Environment in Ecolinguistics)*

Nor Hashimah Jalaluddin
Persatuan Linguistik Malaysia

nhj7892@gmail.com

Received: 1/10/2022 Revised: 7/3/2023 Accepted: 7/5/2023 Published: 31/7/2023

ABSTRAK

Perubahan persekitaran global telah banyak memberi impak pada bahasa dan budaya. Perubahan bukan terhadap kepada iklim sahaja, malah turut mempengaruhi ekologi hunian bumi ini. Menariknya, perubahan ini turut mempengaruhi perubahan sosio-budaya penutur, pola bahasa dan cara berfikir. Kajian ini bertujuan memahami bagaimana fenomena perubahan global yang serius ini turut mempengaruhi penggunaan bahasa dan mewarnai pemikiran penutur sebelum dan selepas kesan penglobalan dari perspektif ekolinguistik. Ekolinguistik masih kurang ditekuni dan mempunyai banyak ruang untuk diselidiki. Kajian bersifat multidisiplin ini boleh menjadi pemangkin kepada kajian tentang isu kemanusiaan melalui elemen tiga serangkai, iaitu bahasa, budaya dan persekitaran. Data dihimpun dari akhbar, laman sesawang dan data dialek yang terkumpul dalam penyelidikan lepas.

Hasil kajian mendapati penamaan sesuatu tempat atau kampung dahulu sangat berkait rapat dengan topografi. Ada perbezaan di anantara kawasan darat dan laut dan ini boleh dikenali dari penamaan pertempatan seperti Gong, Alor, Tanjung, Sungai, Permatang, dan banyak lagi. Selanjutnya, penggunaan dialek yang berbeza dalam satu kawasan yang berbeza turut memberi sumbangan pada dunia leksikografi. Akhirnya, konflik kesan banjir yang melibatkan alam sekitar dapat dianalisis dari segi semantik dan memperlihatkan dua aliran pemikiran, iaitu, rakyat dan pemerintah. Kajian ini memberi impak pada cara kita mencungkil masalah alam sekitar yang sekali gus memaparkan pola bahasa serta pemikiran masyarakat secara tersurat dan tersirat.

Kata kunci: Ekolinguistik, topografi, persekitaran, bahasa, pemikiran.

ABSTRACT

Language and culture have been greatly impacted by changes in the global environment. The changes have an influence on human ecology in addition to the weather in general. It's interesting how the changes have concurrently impacted the local speakers' sociocultural background, linguistic preferences, and way of thinking. From the view of ecolinguistics, this study tries to understand how the significant global change phenomenon has influenced language use and the speaker's consciousness both before and after these changes. Ecolinguistics is not widely known in Malaysia, and there are still many unexplored areas to venture. Through the three factors of language, culture, and environment, this multidisciplinary research can serve as a catalyst for humanitarian issues. Data are gathered from newspapers, internet, and dialects from earlier studies. The results demonstrate that topography and place names are closely connected. There is a difference between land and sea areas and this can be recognized from the naming of places such as Gong, Alor, Tanjung, Sungai, Permatang, and many more. Furthermore, lexicography has been influenced by the differences in dialect between neighborhoods. Finally, the impact of the flood conflict, which involves the environment, has demonstrated the contrast between the policy maker and state administrator from a semantic perspective. This research has affected how we investigate environmental issues going

forward and how the language pattern and the speaker's thoughts are expressed both explicitly and implicitly.

Keywords: Ecolinguistic, topography, environment, language, mind.

PENGENALAN

Ekolinguistik merupakan cabang linguistik yang agak terkini. Bidang ini mula mendapat perhatian pada tahun 1990-an. Ekolinguistik asalnya diasaskan oleh Professor Einar Haugen melalui bukunya yang bertajuk, *The Ecology of Language* (1972). Beliau mendefinisikan ekologi bahasa sebagai kajian interaksi di antara apa sahaja aspek bahasa dengan persekitarannya. Justeru hari ini kita boleh lihat ada usaha untuk mengasaskan hubungan di antara bahasa yang digunakan dalam komuniti dengan ekosistem di sekeliling mereka. Terdapat pelbagai aspek dalam ekolinguistik yang jelasnya berbeza di antara satu komuniti dengan komuniti yang lain, lantaran kesemuanya memiliki budaya sendiri yang signifikan. Ciri ini membantu kita melihat perubahan yang dilalui masyarakat dari aspek budaya dan persekitarannya. Tujuan bidang ini adalah untuk menganalisis bahasa secara kritis sama ada lisan atau tulisan dan seterusnya dikaitkan dengan persekitaran dan pemikiran penuturnya.

Kajian dalam ekolinguistik agak asing di Malaysia. Namun melalui penelitian hasil tulisan sarjana barat, banyak yang boleh diambil sebagai panduan untuk menganalisis perubahan bahasa kesan dari globalisasi. Dari kajian terfokus kita akan dapat menilai sama ada bahasa Melayu telah melalui perbezaan dari segi makna, pemikiran kesan dari globalisasi dan penangan imperialisma bahasa. Bagaimana juga dunia yang bersifat materialistik mengubah cara bertindak dan berfikir masyarakat kita pada hari ini. Sehubungan kita itu, artikel ini akan mengkaji beberapa aspek bahasa yang menarik untuk menengokkan bidang ekolinguistik dalam masyarakat ahli bahasa kita khususnya dan masyarakat amnya.

KOSA ILMU

Stibbe (2012) merupakan antara sarjana yang banyak menulis mengenai ekolinguistik. Menurut beliau, *"The field of ecolinguistics*

... is now emerging because the consequences of ignoring the ecological embedding of humans and human societies are becoming starkly clear; as climate change, resource depletion and ecosystem degradation reduce the ability of the Earth to Language & Ecology". Malah menurut Stibbe (2015) lagi, ekolinguistik meneroka pola bahasa yang dapat mempengaruhi cara manusia berfikir tentang alam ini. Tuntasnya, ekolinguistik meneliti penggunaan bahasa yang dapat menggambarkan pandangan hidup (*world view*) tentang alam sekitar atau cara manusia berinteraksi dengan persekitaran fizikal.

Rentetan dari kenyataan ini maka timbul banyak lagi kajian ekolinguistik terutamanya di Eropah dan benua Afrika. Julius Angwah (2020) menulis mengenai '*Ecosophical affability of some Cameroonian proverbs*'. Beliau menggunakan sebelas peribahasa berkaitan alam sekitar dan menghuraikan tahap pemahaman makna peribahasa dengan persekitaran. Kajian mendapati responden lelaki lebih dapat mengaitkan peribahasa ini dengan kepentingan menjaga alam sekitar di saat adanya masalah persekitaran di peringkat global. Prisca C. Simotwo (2019) menulis tentang '*An analysis of linguistic choices in Kalenjin narratives relating to protection of animals*'. Beliau menggunakan cerita rakyat Kalenjin dan cuba mengenengahkan bagaimana mereka mempromosi perlindungan dan kebajikan haiwan. Penulis menekankan tentang analisis kandungan dengan memberi tumpuan pada jenis ayat yang digunakan. Penggunaan ayat aktif lebih jelas dapat mencari punca kepada siapakah yang selalunya menjadi pembunuh haiwan berbanding dengan penggunaan ayat pasif. Penggunaan ayat pasif selalunya dapat menghindarkan pelaku daripada dihukum dan terus berleluasa melakukan pembunuhan terhadap haiwan.

Manakala Dina A. Ramadan (2020) dalam artikel '*Disappearance of the Nile: Storytelling and environmental awareness*' mendapat ilham dari cerita kanak-kanak, iaitu *The Disappearing of Nile* untuk berbicara mengenai alam sekitar. Penulis telah cuba mewujudkan kesedaran dalam kalangan kanak-kanak tentang pemeliharaan alam sekitar agar dapat menghasilkan generasi yang peka dalam menjaga dan menghormati alam ini. Penulis telah membandingkan penjagaan Sungai Nile semasa zaman Firaun dengan hari ini. Dina menyatakan Sungai Nile adalah lebih bersih di zaman pemerintah Firaun berbanding dengan Sungai Nile pada hari ini. Justeru, literasi

tentang penjagaan alam sekitar wajar dimulakan dari peringkat kanak-kanak lagi. Di Malaysia, kajian Fadzeli dan Azhar (2022) menggunakan pendekatan analisis wacana berdasarkan korpus akhbar mencungkil mengenai pencemaran alam sekitar. Kajian mereka mendapati berdasarkan wacana dan cerita di sebalik pencemaran ini, banyak leksikal penting dapat dicungkil sebagai asas penilaian kepada pencemaran ini. Leksikal seperti *pemantauan*, *pembaikan*, *penyelenggaraan* dan *dirawat* dapat ditentang dengan leksikal seperti *tercemar*, *dicemari*, *teruk*, *pelepasan* dan *terjejaskan* dalam membuat penilaian pola positif dan negatif yang berkaitan dengan isu pencemaran alam.

Jelas dari kajian lepas, ekolinguistik bukan terhad kepada bahasa manusia tetapi juga melibatkan tema haiwan, sungai dan alam sekitar yang kemudiannya dikaitkan dengan bahasa untuk dilihat corak pemikiran masyarakat mengenai alam sekitar. Kebimbangan terhadap nasib alam sekitar pada hari ini boleh dijadikan landasan untuk mengkaji pola bahasa dan masyarakat pada hari ini. Untuk menyambut kehadiran bidang ini, maka artikel ini cuba menjelaskan bagaimana perkaitan kesedaran masyarakat kita dengan ekologi yang dimanifestasikan dengan penggunaan bahasa. Artikel ini juga ingin menyorot kembali pandangan Stibbe (2015) yang mengatakan bahawa kajian ekolinguistik dapat menggambarkan pandangan hidup (*world view*) tentang alam sekitar atau cara manusia berinteraksi dengan persekitaran fizikal. Artikel ini akan menyorot bagaimana manusia Melayu sebelum merdeka sehingga ke hari ini memanfaatkan dan menggabungkan bahasa, budaya dan alam sekitar dalam memancarkan pemikiran mereka yang bijaksana.

METODOLOGI

Dalam tahun kebelakangan ini, kajian ekolinguistik mula memberi perhatian kepada pendekatan yang sesuai digunakan untuk menganalisis wacana yang berkaitan dengan ekologi dan persekitaran. Fadzeli dan Azhar (2022) ada menjelaskan misalnya, Todd (2014) mendapati bahawa method ekolinguistik yang sering digunakan untuk analisis ialah Analisis Wacana Kritis, Teori Metafora Konseptual dan Linguistik Fungsional. Ada pengkaji lain, misalnya Chen (2016) yang mencadangkan analisis kandungan (*content analysis*) sebagai

pendekatan yang sesuai untuk wacana ekologi. Kajian Fadzeli & Azhar (2022) pula meneliti kandungan akhbar yang berkaitan dengan isu pencemaran alam sekitar berasaskan analisis wacana. Dalam hal ini, analisis akan tertumpu pada leksikal yang berhubungan secara langsung dengan objek persekitaran dan menganalisis cara idea dipersembahkan dalam wacana yang memberi kesan kepada isu persekitaran.

Menurut Stibbe (2015), ekolinguistik meneroka pola bahasa yang dapat mempengaruhi cara manusia berfikir tentang alam ini. Dalam perkataan lain, ekolinguistik menyiasat penggunaan bahasa yang dapat menggambarkan pandangan hidup (world view) tentang alam sekitar atau cara manusia berinteraksi dengan persekitaran fizikal (Fadzeli & Azhar 2022). Apa yang jelas, pelbagai teori dan perspektif boleh dilakukan demi menjelaskan fenomena ekolinguistik. Tidak ada satu ketetapan teori khas yang boleh menghuraikan bidang ini. Maka, artikel ini memilih teori sematik dan pragmatik dalam menjelaskan bagaimana bahasa, budaya dan alam sekitar dapat disinergikan bagi menghuraikan cara pemikiran masyarakat setempat membentuk identiti mereka.

Kajian ini mengumpul data dari pelbagai sumber. Data yang dipilih bersesuaian dengan tema kajian yang dipilih. Untuk kajian penamaan tempat, sumber kamus diguna pakai seperti Kamus Perdana (2020) [<http://prpm@dbp.gov.my>], Kamus Wilkinson (1957) dan Kamus Dialek Perak (2015). Kamus merupakan sumber sah yang lengkap dalam membantu pengkaji mendapat maklumat penting berkenaan bahasa secara diakronik. Dalam kes penamaan tempat, kamus menjadi rujukan utama kerana penamaan tempat pada zaman dahulu adalah berasaskan topografi, flora dan dikukuhkan dengan falsalah tersendiri. Manakala rujukan nama kawasan diambil daripada peta digital JUPEM dan peta yang dibekalkan oleh Google map. Banyak maklumat ekologi yang ditemui berdasarkan sumber peta ini. Ia bukan sahaja memberikan GPS kedudukan daerah yang dicari malah maklumat persekitaran turut memberikan maklumat yang sah. Begitu juga dengan kajian dialek yang pernah dilakukan, peta digital JUPEM banyak membantu memberikan maklumat nama kampung, mukim dan topografi setempat. Kesemua maklumat ini adalah merupakan maklumat penting untuk kajian ekolinguistik.

Selain kajian bahasa dan topografi, data dari media massa seperti Berita Harian Online (<http://beritaharian.com>) dan Astro Awani (<http://astroawani.com>) dapat membekalkan data yang diperlukan untuk dianalisis. Data berkaitan bahasa, politik dan ekologi dikumpul daripada kedua-dua sumber ini, kemudian disaring frasa dan kluasa yang relevan dengan pembuktian analisis ekolinguistik. Data itu dilihat dari perspektif semantik dan pragmatik bagi memperlihatkan peranan ilmu linguistik dalam bidang ekolinguistik.

HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Daripada data terkumpul, ada beberapa aspek bahasa yang boleh dijelaskan dengan kajian ekolinguistik. Ada beberapa fenomena menarik yang dapat diuraikan. Hasil dapatan bermula dari awal bagaimana manusia berinteraksi dengan alam dengan menggabungkan elemen bahasa, budaya dan alam sekitar. Dari sini terpancar cara pemikiran masyarakat dahulu memelihara alam sekitar sehingga boleh membentuk identiti mereka. Ini jelas dari cara mereka menamakan tempat tinggal mereka selaras dengan gastronomi dan gaya hidup mereka. Analisis juga mengambil kira data terkini dan menjelaskan bagaimana manusia akhirnya telah memanipulasikan alam sekitar sehingga menjadi musuh yang akhirnya mengancam nyawa manusia.

Penamaan Nama Tempat dan Topografi - Senario 1

Malaysia mempunyai tanah tanih yang sangat sesuai untuk pertanian. Tanah tanih yang subur sesuai ditanami pokok yang mengeluarkan hasil untuk dieksport seperti getah dan kelapa sawit. Ada juga tanaman buah-buahan. Salah satu aspek yang menarik untuk dikaji ialah bagaimana tanah yang rendah dari bukit, dipanggil ‘changkat’ di Perak mempunyai identiti tersendiri. Istimewanya changkat adalah tanah yang agak tinggi sedikit dari tanah pamah selalunya mempunyai aliran sungai kecil yang pastinya berasal dari tanah yang lebih tinggi. Nama Cangkat ini banyak ditemui di negeri Perak sahaja. Apa yang ada di Changkat? Changkat terkenal dengan penghasilan buah durian yang bermutu tinggi dari Perak. Bukan semua tempat di Perak yang mempunyai changkat. Antara yang terkenal adalah:

Changkat Duku, Cangkat Papan, Cangkat Ibol – Taiping

Changkat Perah, Cangkat Lobak – Batu Kurau
Cangkat Lada – Kampung Gajah

Rajah 1, 2 dan 3 di bawah dapat memberikan gambaran bagaimana masyarakat dahulu menamakan tempat tinggal mereka sesuai dengan aktiviti seharian dan sumber pendapatan mereka.

Rajah 1

Pusat Pengumpulan Durian di Batu Kurau



Rajah 2


Jenis durian bermutu tinggi di Bt. Kurau

Durian Batu Kurau - keistimewaan dan kaitannya dengan Taiping



Rajah 3

Kedudukan Changkat Lada dan Hasil Durian



Sumber : Google Map

Kalau diperhatikan dalam Rajah 3, kawasan yang bertanda Changkat Lada dan sekitarnya sangat jelas dengan aktiviti penanaman durian sehingga penamaan kawasan sekeliling dinamakan dengan durian seperti Sungai Durian, Durian Hutan Azrin, Kebun Durian Changkat Lada, Durian Jet Rod, Sg. Durian Organic Farm dan Cendol Durian Tok Mok. Di sini jelas, manusia bersahabat dengan alam. Dengan ekologi yang berbukit, sesuai pula dengan penanaman pokok durian, maka penamaan kawasan setempat semuanya berasaskan durian. Secara tidak langsung kampung ini mempunyai identiti tersendiri. Dari segi linguistik pastinya mereka akan mempunyai laras bahasa khas mengenai durian yang tidak dimiliki di tempat lain. Contohnya,

- i. [getaʔ] –luruh , gugur – hal buah atau bunga durian
- ii. [dʒambo] –pondok, dangau
- iii. [ləpɔ] –pondok, dangau
- iv. [tʃəden] –buah penghujung musin yang sedikit
- v. [ləmbo] –pondok, dangau
- vi. [kəsen] – lembut, lunak dan tidak terlalu basah

Penamaan Nama Tempatan dan Topografi - Senario 2

Sekali lagi penamaan pertempatan atau kampung di Semenanjung Malaysia sangat dipengaruhi oleh ekologi setempat. Semenanjung Malaysia adalah negeri yang dikelilingi oleh laut dan diliputi oleh sungai, tanah tinggi dan tanah pamah. Maka cara penamaan kampung

atau mukim sudah pasti mengikut topografi kawasan. Contohnya, permukaan berlembah, berhampiran pantai, tanah rendah di hilir sungai, kawasan bencah akan mempunyai nama tersendiri mengikut lokaliti. Apa yang menarik, penamaan sesebuah kampung akan menggunakan topografi terlibat. Contohnya di kawasan tanah rendah, berhampiran laut dan hilir, nama kawasan itu akan dimulai dengan nama tanah rendah seperti Solok Haji Abdul Rahman, Permatang Pauh, Tanjung Lumpur, Parit Bunga, Alor Gajah. Sebagai pengguna bahasa secara tidak langsung kita akan dapat menggambarkan apakah rupa bentuk kawasan tersebut dari segi topografinya, hasil pertaniannya, gastronomi mereka, cara berpakaian dan sebagainya. Malah gambaran ini juga akan berasosiasi dengan siapa masyarakat dominan di kampung tersebut.

Contoh yang paling menarik adalah penggunaan nama Parit di Johor. ‘Parit’ pastinya akan didominasi oleh masyarakat Jawa, yang rata-rata terlibat dengan pertanian, menanam getah dan kelapa sawit, membela lembu. Menggunakan bahasa Jawa dan pemakanan berasaskan soya seperti tempe, dan ubi-ubian yang dijadikan kerepek sebagai sumber pendapatan. Selain dari penggunaan nama “parit”, masyarakat Jawa di Johor pastinya bersinonim dengan penggunaan nama ‘Seri’ juga. ‘Seri’ bermaksud kemuliaan, keindahan dan kemegahan (Kamus Perdana 2020). Maka banyak nama kampung di Johor khususnya menggunakan ‘Parit’ dan ‘Seri’. Contohnya Parit Botak, Parit Raja, Parit Sakai, Parit Panjang, Parit Jawa. Manakala untuk ‘Seri’, kita temui nama ini digunakan pada sekolah seperti Sekolah Seri Sekawan Desa, Sekolah Sri Pulai, Sekolah Sri Perhentian, Sekolah Seri Bunyi, Sekolah Seri Al Ulum dan banyak lagi. Inilah ekolinguistik, betapa hebatnya masyarakat dahulu menamakan tempat sehingga terangkum banyak maklumat menarik di dalamnya. Nama-nama tempat mengikut topografi dan lam sekitar meluas digunakan di Semenanjung Tanah Melayu.

Perhatikan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Nama Pertempatan di Sebelah Laut (Hilir)

Nama Tempat	Keterangan	Kerap Ditemui:
[so.loʔ] سولوڤ	Mn ark lembah (antara gunung).	Melaka
[ba.ruh] باروه	tanah yg di sebelah bawah (hilir, dekat pantai), tanah yg di sebelah bawah (hilir, dekat pantai): ; 3. Kl sawah: padi ~.	Johor, Kelantan
[per.ma.tang] فرماتڠ	jalan kecil yg tinggi sedikit drpd permukaan di sekelilingnya (di sawah dll).	Pulau Pinang, Kedah, Perlis
[ba.gan] باڠن	sj tumbuhan (pokok), mempelasari (hari), (m)empelas hari, pelasari, Alyxis lucida.	Pulau Pinang, Kedah
[tan.jung] تنجوع	hujung tanah yg menganjur ke laut (danau, sungai, dll): ~~ yg datar tanahnya dapat dilihat di kebanyakan kuala sungai;	Melaka, Langkawi, Johor, Perak, Pahang
[pa.rit] فاريت	alir, terusan air, tali air	Johor
[a.lur] الور	air aliran air di kawasan bencah.	Melaka, Terengganu, Kedah,
[pa.ya] فايا	kawasan tanah bencah (digenang air) yg ditumbuhi berbagai-bagai jenis tumbuhan, rawa: pokok bakau, hutan bakau; ~ kumbuh kawasan paya yg ditumbuhi sj rumpai (yg daunnya boleh dianyam)	Pahang

Sumber: Kamus Perdana; 2020 (<http://prpm@dbp.gov.my>)

Jadual 2

Nama Pertempatan di Sebelah Hulu- Darat

Nama Tempat	Keterangan	Kerap Ditemui:
[gong] كورغ	sj tumbuhan (pokok), putat tepi, Helicia petiolaris; 2. sj tumbuhan (pokok), rambutan pacat, Xerospermum laevigatum, tanah tinggi	Terengganu
[da.rat] دارت	kawasan tanah yg tertinggi (lwn baruh): jalan yg di sebelah ~ sana lebih baik drpd jalan ini; 3. kawasan tanah pedalaman, hulu negeri (lwn pantai)	Johor
[cang.kat] چنگت	bukit kecil, anak bukit	Perak

Sumber: Kamus Perdana 2020; Kamus Wilkinson 1903 (<http://prpm@dbp.gov.my>)

Ekologi bukan sahaja setakat persekitaran tetapi juga mengambil kira budaya juga. Contohnya cerita mitos Si Tanggang yang dikatakan berakhir di Batu Caves dibuktikan dengan penamaan kampung dan mukim di Batu Caves. Maka kita temui dengan nama-nama seperti **Kampung Laksamana, Kampung Nakhoda, Kampung Bendahara, Kampung Selayang Pandang, Kampung Melayu Batu Caves** (<https://www.selangor.gov.my/gombak>). **Nama-nama kampung dan mukim berasaskan leksikal maritim yang dipercayai bersumberkan cerita rakyat Si Tanggang.** Tetapi penafian kepentingan ekologi dan budaya pada hari ini telah menyaksikan pertukaran nama kawasan Batu Caves kepada KL East oleh pihak pemaju hartanah. Sedikit demi sedikit, sejarah dan cerita rakyat akan terhakis dari generasi muda.

Contoh kedua yang tidak kurang menariknya adalah fenomena yang berlaku di Kuala Berang , Hulu Terengganu. Dari segi linguistiknya, dialek ini ternyata sangat berbeza dengan dialek Terengganu, malah Collins (1983) mencadangkan dialek Hulu Terengganu dipisahkan daripada dialek Terengganu. Sekali lagi peranan ekologi boleh diperhatikan di sini. Mengapa ia berbeza dengan dialek Terengganu terutama apabila menyentuh tentang bunyi diftong. Penggunaan diftong boleh dianggap sangat produktif di Hulu Terengganu. Jadual 3 membuktikannya:

Penamaan Nama Tempat dan Sejarah/Mitos

Jadual 3

Sub-dialek Hulu Terengganu

bahasa melayu	hg. basung	hg. baong	hg. beris	hg. gaong	hg. jenagor	hg. huala eueh
tikus	tikawh	tikuh	tikuh	tikawh	tikawh	tikuh
lembu	lambaw	lambaw	lambaw	lambuʔ	lambəw	lambəw
kopi	kupaj	kupi	kupaj	kupaj	kupej	kupej
suami	lakaj	laki	lakaj	lakiʔ	lakej	laki
isteri	binaʔŋ	bini	binaj	bininj	binej	binej
baling	baləʔŋ	kalon	kaloʔŋ	kaloʔŋ	kalon	kalon
cubit	gəkaʔ	gəkiʔ	gəkiʔ	gəkiʔ	subajʔ	gəkiʔ
gemuk	gəmaʔ	gəmoʔ	gəmaʔ	gəmaʔ	gəmaʔ	gəmaʔ
saya	akaw	kamaʔŋ	akaw	kamaʔŋ	kamaʔŋ	akaw
pantai	patta	patta	patta	pata	patta	pata
pahit	paheʔ	paheʔ	paheʔ	paheʔ	paheʔ	paheʔ
manis	manəʔh	maneh	maneh	maneh	maneh	maneh
bantal	bata	bataj	bata	bata	bataj	bata
kapal	kapa	kapaj	kapa	kapa	kapaj	kapa
pedas	podah	podah	podah	podah	podəʔh	podah

Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2021

Persoalan di sini, kenapa berlaku penyimpangan dialek ini yang jauh berbeza dengan dialek Terengganu yang dominan di Terengganu. Dari segi sejarahnya, Hulu Terengganu menjadi persinggahan kapal-kapal besar yang melalui laluan sutera. Peristiwa penting yang berlaku adalah penemuan Batu Bersurat di Sungai Tersat pada abad ke-13. Dengan itu Kuala Berang dianggap tempat pertama menggunakan piagam Islam malah lebih awal daripada pengislaman di Melaka. Batu bersurat adalah bukti yang kukuh kepada peradaban kerana pada batu ini terpahat sistem tulisan, ilmu seperti agama, undang-undang dan adat. Ini bermaksud masyarakat itu telah ada budaya berfikir dan menghargai ilmu. Menurut Othman dan Abdul Halim (1990) dalam “Epigrafi Islam Terawal di Nusantara” Batu Bersurat Terengganu telah dijumpai di tebing kanan mudik Sungai Tersat (Sungai Tara, mengikut Muzium Negeri Terengganu), Kampung Buluh, Kuala Berang, Hulu Terengganu pada tahun 1887. Batu bersurat pertama ditemui ini telah dijumpai pada abad ke-14 yakni bertarikh 702 Hijrah bersamaan dengan 1303 Masihi menurut kajian yang dilakukan oleh Syed Muhammad Naquib al Attas.

Batu ini merupakan suatu bentuk piagam undang-undang bertulis yang menjadi bukti pengamalan sistem perundangan Islam. Batu Bersurat Terengganu telah menjadi bukti kukuh Islam telah bertapak di Terengganu pada tarikh tersebut. Malah, hasil kajian pengaruh tulisan Jawi dan Sanskrit jelas terdapat pada batu bersurat tersebut (Othman & Abdul Halim 2007). Kajian Abdul Razak Salleh (2010) dalam “Batu Bersurat Terengganu: Perspektif Matematik” telah mencirikan salah satu elemen penomboran yang telah diamalkan pada abad berkenaan dengan pembuktian unsur matematik yang terdapat pada batu bersurat Terengganu. Pengkaji tersebut telah mengelaskan sistem penomboran ini kepada nombor atau bilangan, nombor ordinal, waktu (hari, bulan, tahun), unit sukatan atau timbangan, dan unsur mantik yang diguna pakai pada piagam ini.

Bersandarkan pendapat-pendapat sarjana di atas, maka tidak mustahil ekologi mereka di Hulu Terengganu mempengaruhi penggunaan bahasa. Satu kajian mendalam oleh pakar linguistik sejarahwi mungkin boleh menyusur kekerabatan dialek ini bagi mendapatkan jawapan yang tepat.

Ekologi, Bahasa, Persekitaran dan Politik

Jadual 4

Data Konflik Banjir di Baling

Pihak Tidak Berkepentingan (KASA, NGO, Media Massa, rakyat)	Pihak berkepentingan (pemerintah, pemilik kebun durian)
i. Terdahulu, KASA mengesahkan punca banjir yang berlaku di beberapa kampung di Baling pada 4 Julai lalu disebabkan kolam takungan yang dibina di projek tanaman durian Musang King di puncak Gunung Inas, pecah. Kajian kementerian itu mendapati, ada satu kolam takungan yang pecah dan menyebabkan banjir di beberapa kampung, termasuk Kampung Iboi, Kampung Padang Lengkuas, Bukit Hangus dan Kampung Pisang.	i. MB Kedah: tiada pecahan takungan air seperti yang didakwa.

(bersambung)

-
- ii. **Ia menyebabkan cetusan hujan lebat melampau dan diikuti pula pembentukan aliran puing, banjir puing dan banjir lumpur serta hakisan di hutan sekunder** akibat penukaran guna tanah kepada hutan ladang **sejak tahun 2010-Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)**
- iii. **Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan Komuniti Kampung (JPKK) Iboi, Nor Mohamad Che Hussin, berkata** tidak ada bukti jelas menunjukkan kolam dan tandak air yang dibina itu tidak akan mendatangkan bahaya kepada penduduk **dalam tempoh jangka panjang.**
- “Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) sudah mencadangkan agar ditanam segera pokok yang diluluskan di kawasan itu,**
- ii. **”Tinjauan udara yang saya buat tak nampak ada kolam pecah, tetapi itu pandangan kasar.** Mungkin kena turun dan panjat bukit itu seperti dibuat jabatan teknikal baru dapat nampak (kolam pecah).
- iii. Beliau turut memaklumkan, kolam terbabit tidak boleh dirobuhkan begitu sahaja kerana dimiliki syarikat yang menjalankan projek ladang durian Musang King di puncak Gunung Inas.
- iv. **tak boleh ‘senang-senang’ musnah kolam**
- v. **“Air itu disekat kayu sebelum mengalir serentak ke bawah dan itu yang membentuk kepala air.** Fenomena ini menyamai kejadian yang berlaku di Gunung Jerai pada tahun lalu,” katanya pada sidang media di sini, hari ini.
- Muhammad Sanusi berkata, dakwaan mengatakan ladang durian sebagai punca utama bencana **memerlukan penelitian terperinci dan bukti kukuh.**
- i. pokok-pokok besar di sepanjang aliran air di gunung itu juga masih ada dan **tidak ditebang** sewaktu ladang hutan tanaman durian Musang King dibangunkan.
- ii. beliau turut menimbulkan **persoalan siapa yang sepatutnya melaksanakan penanaman semula** di sekitar Gunung Inas.
- iii. **“Kalau syarikat ‘surrender’** kerana ladang hutang tak menguntungkan pelaburan mereka, **jadi siapa nak tanam semula?**
-

(bersambung)

Kalau tanam pokok hutan, kita tak boleh tebang lagi. **Kalau tanam durian, pokok tak akan ditebang tetapi ada hasil, kalau tanam TLC selepas 15 tahun kena tebang,”** katanya.

- iv. Muhammad Sanusi menjelaskan, pihaknya **masih berbincang** bersama KASA dan JPNK bagi menentukan jenis tanaman yang sesuai ditanam semula di kawasan itu.

Kontroversi dan Polemik Penanaman Durian Musang King

Pendapat Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, **Menteri Besar Kedah**

- i. enggan terbabit dalam tuduh-menuduh berkaitan projek ladang durian Musang King di Gunung Inas, **Baling, yang membabitkan Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.**
- ii. konsep ladang rakyat yang diperkenalkan kerajaan di bawah pentadbiran **Menteri Besar daripada PAS, Allahyarham Tan Sri Azizan Abdul Razak dari 2008 hingga 2013 itu** digagalkan Mukhriz **kerana** khuatir projek itu akan mengharumkan nama Azizan dan PAS **dalam kalangan orang miskin.**

Jawapan **Datuk Seri Mukhriz Mahathir**

- i. Mukhriz (2013-2016) berkata **—menentang penggondolan hutan, tiada kajian impak EIA.**
- ii. Mukhriz berkata, apabila beliau kembali sebagai Menteri Besar pada 2018, keputusan dibuat untuk **mengehadkan penanaman durian kepada hanya 20 peratus sahaja.**
- iii. Mukhriz mendakwa syarikat ECK dibenarkan menanam durian di Gunung Inas ketika kerajaan negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) yang diketuai Ahmad Bashah antara 2016 hingga 2018. Untuk rekod syarikat ECK yang menaja Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) ketika itu, kemudian **dianugerah projek mega lapangan terbang antarabangsa Kulim (KXP) oleh Sanusi.**

(bersambung)

- | | |
|---|---|
| <p>iii. Katanya, Sanusi bagaimanapun membatalkan anugerah itu kerana akhirnya terbukti ECK tidak mampu melaksanakan projek mega berkenaan.</p> <p>iv. Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah (2016-2018)- kerajaan negeri di bawah Barisan Nasional (BN) yang diterajui Ahmad Bashah ketika itu membuat keputusan menukar tanaman pokok getah klon balak (TLC) kepada <u>durian Musang King</u>.</p> | <p>iv. Bencana itu tidak akan berlaku sekiranya hutan simpan tidak disentuh untuk tujuan pembalakan pokok bernilai tinggi dan aktiviti tebang bersih atas alasan Ladang Sejahtera sebelum 2013,"</p> <p>"Yang ditebang bukan hanya pokok bernilai tinggi, tetapi ditebang bersih atau cuci mangkuk untuk penanaman semula pokok TLC atau pokok hutan yang diluluskan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)." Inilah yang dilakukan oleh kerajaan PAS seperti yang diakui oleh menteri besar sendiri.</p> |
|---|---|
-

Salah satu aspek menarik dalam kajian ekolinguistik ialah bagaimana fenomena alam boleh membawa kepada analisis ekolinguistik. Kejadian banjir besar di Baling baru-baru ini memperlihatkan bagaimana wujudnya dua dikotomi pemikiran di antara pihak yang berkepentingan dan yang tidak berkepentingan. Jelas dari konflik antara dua kelompok masyarakat ini membawa kepada tafsiran semantik dan pemikiran yang menarik. Selain mencungkil data-data berkonflik, kajian ini juga berupaya mencungkil pertelingkahan politik antara Menteri Besar dan mantan Menteri Besar Kedah yang saling tuding menuding jari kesan banjir besar yang meragut tiga nyawa dan merosakkan ratusan buah rumah. Dalam ekolinguistik, analisis semantik dapat mengaitkan pertelingkahan di antara dua kelompok yang berkepentingan dengan yang tidak berkepentingan serta Menteri Besar dan mantan Menteri Besar melalui frasa-frasa yang digunakan. Ternyata ia bukan sahaja memperlihatkan konflik tetapi juga aras pemikiran mereka yang berkonflik. Jadual 4 dapat menjelaskan pertelingkahan itu berasaskan pendekatan ekolinguistik.

Berdasarkan data di Jadual 4, terlihat ada dua kes di sini, iaitu pertentangan pendapat mengenai kejadian banjir. Dan satu lagi adalah episod mencari punca kepada tragedi ini. Dalam kes pertama kita dapati ada pertentangan di antara mereka yang tidak berkepentingan dengan yang tidak berkepentingan. Ayat, 'kolam takungan yang dibina di projek tanaman durian Musang King di puncak Gunung Inas, pecah',

frasa ‘menyebabkan banjir’, frasa ‘akibat penukaran guna tanah kepada hutan ladang’ dan klausa ‘tidak ada bukti jelas menunjukkan kolam dan tandak air yang dibina itu tidak akan mendatangkan bahaya kepada penduduk’ boleh dirujuksilang dengan Kementerian Alam Sekitar (KASA), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Jawatankuasa Pembangunan Komuniti Kampung (JPKK) sebagai mereka yang tiada kepentingan. Kelompok ini selalunya memberikan gambaran yang tepat mengenai kejadian yang berlaku. Mereka hanya memberikan fakta sebenar tanpa merasa ingin mendapatkan pulangan lumayan. Di satu pihak yang berkepentingan pula, sangkalan demi sangkalan telah dilakukan. Menteri Besar Kedah yang mewakili orang yang berkepentingan menyatakan, ‘tiada pecahan takungan air seperti yang didakwa’, ‘tak nampak ada kolam pecah, tetapi itu pandangan kasar, ‘siapa yang sepatutnya melaksanakan penanaman semula, ‘kalau tanam durian, pokok tak akan ditebang tetapi ada hasil, kalau tanam TLC selepas 15 tahun kena tebang’. Pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) mampu mengaitkan frasa atau klausa yang bertindak sebagai anteseden yang kemudiannya dikaitkan dengan konteks kejadian banjir ini dapat memberikan maksud yang cuba disampaikan sama ada secara tersurat mahupun tersirat (Nor Hashimah, 2022). Kesemua frasa dan klausa terbukti berkonflik di antara pihak tidak berkepentingan dengan yang berkepentingan dapat dijadikan asas pemahaman kepada kemusnahan alam sekitar. Di sini peranan linguistik penting dalam ekolinguistik.

Konflik yang jelas antara kedua-dua pihak ini membuktikan bahawa kuasa mengatasi kepentingan ekologi setempat. Ini menggambarkan gaya kepimpinan dan pemikiran orang yang berkepentingan mempertahankan projek Musang King di Gunung Inas. Mereka dikatakan bukan penyebab kepada tragedi banjir besar yang meragut nyawa manusia. Ternyata nyawa tidak semahal kos penanaman durian Musang King. Rumusan dari pertikaian ini boleh dirumuskan dengan peribahasa akal budi Melayu, ‘harapkan pagar, pagar makan padi’. Kalau dari perspektif semantik kognitif boleh dikatakan, ‘yang berkuasa itu DI ATAS dan yang tidak berkuasa itu DI BAWAH.

Rentetan daripada konflik tersebut, ada satu lagi episod perang kenyataan di antara Menteri Besar sekarang, iaitu Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor dengan mantan Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir. Kali ini ialah tuduhan-tuduhan siapakah yang mesti bertanggungjawab pada bencana ini. Serangan seperti ‘konsep ladang rakyat’, ‘digagalkan Mukhriz kerana khuatir projek

itu akan mengharumkan nama Azizan dan PAS dalam kalangan orang miskin’, ‘Ahmad Bashah ketika itu membuat keputusan menukar tanaman pokok getah klon balak (TLC) kepada durian Musang King’ adalah frasa pembelaan diri oleh Menteri Besar. Mukhriz pula membalas, ‘menentang penggondolan hutan’, ‘tiada kajian impak EIA, mengehendkan penanaman durian kepada hanya 20 peratus sahaja’, ‘dianugerah projek mega lapangan terbang antarabangsa Kulim (KXP) oleh Sanusi’, ‘tetapi ditebang bersih atau cuci mangkuk’, merupakan bola tanggung yang diberikan oleh Mukhriz kepada Sanusi. Perdebatan ini dianggap sah kerana semua kenyataan boleh dirujusilang melalui pendekatan Rangka Rujuk Silang kepada mereka yang berwibawa, iaitu mereka yang pernah dan sedang memegang tampuk pemerintahan negeri Kedah. Akhirnya kemelut kesan banjir besar ini terhenti di sini kerana frasa dan klausa yang digunakan oleh Mukhriz tidak dapat disangkal oleh Sanusi. Ringkasnya boleh disimpulkan kemelut ini ‘ibarat ‘menepuk dulang terpercik di muka sendiri’. Jelasnya dengan tragedi banjir besar diikuti dengan penggunaan frasa dan klausa dalam mod serang menyerang, kajian ini dapat membongkar pemikiran golongan berkepentingan dalam mempertahankan bencana banjir ini. Akhirnya penggunaan bahasa serta budaya politik yang terpapar dapat menjawab kepada kemusnahan alam sekitar yang boleh dicungkil terus melalui ilmu ekolinguistik.

Gambar di Rajah 3 dan 4 dalam Lampiran 1 adalah gambaran mengenai kesan kepala air dan banjir lumpur yang berlaku pada bulan Julai 2022 di Baling. Kepala air yang dipercayai berpunca dari takungan kolam air yang pecah di puncak Gunung Inas kesan dari aktiviti penggondolan tanah untuk projek penanaman durian Musang King telah menyebabkan kemusnahan jutaan ringgit.

KESIMPULAN

Kajian bahasa, persekitaran dan budaya jelas dapat memberikan pencerahan kepada kita mengenai bagaimana manusia boleh tinggal dalam keadaan yang aman dengan persekitaran dan ekologi yang nyaman. Penamaan mukim dipengaruhi oleh topografi, sejarah sehingga penghuni merasakan mereka sebahagian daripada mereka. Mereka yang tinggal di Changkat boleh diasosiasikan dengan durian. Malah durian menjadi mata pencarian masyarakat yang tinggal di

Changkat dan juga tidak menyebabkan banjir besar berbanding hari ini. Manakala mereka yang tinggal di baruh, laut, solok, alur mempunyai aktiviti pertanian tersendiri berbanding dengan mereka yang tinggal di darat. Sejarah pertempatan juga mampu menghasilkan dialek yang unik. Maksudnya manusia bersahabat dengan alam dan melentur kehidupan mereka mengikut aturan alam dan persekitaran lantas membentuk budaya hidup yang harmoni. Penamaan pertempatan mampu menggambarkan identiti penghuninya tanpa perlu tafsiran yang kompleks. Namun, pengingkaran pada tabii alam dan persekitaran bukan sahaja menjadi bencana malah mengancam bahasa dan budaya masyarakat setempat.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Penulis bertanggungjawab menyelaras keseluruhan makalah ini.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdul Razak Salleh. (2010). Batu Bersurat Terengganu: Perspektif matematik. *Menemui Matematik (Discovering Mathematics)* 32, (1), 1–15.
- Chen, S. (2016). Language and ecology: A content analysis of ecolinguistics as an emerging research field. *Ampersand* 3, 108-116.
- Dina A. Ramadan. (2020). Disappearance of the Nile: Storytelling and environmental awareness. *Language and Ecology*. 1-15. [<http://ecolinguistics – association. org/journal/>]
- Glosari Dialek Perak. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haugen. E . (1972). *The Ecology of Language*. Stanford University Press.
- James T. Collins. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Monograf 8, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, UKM. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Julius Angwah. (2020). Ecosophical affability of some Cameroonian proverbs. *Language and Ecology*. 1-14. [<https://ecolinguistics. association. org/journal/>]
- Kamus Perdana. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Fadzeli Jaafar & Azhar Jaludin. (2022). Analisis Wacana Persekitaran dari Perspektif Ekolinguistik, *Jurnal Linguistik*, 26(2), 1-9.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2022). Metafora dan Akal Budi Melayu dalam Nor Hashimah Jalaluddin (Pynt), *Pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Halim & Khairul Ashraf Saari. (2021). The continuum of Terengganu dialect along the East Coast Malaysia: A geolinguistic study. *Journal of Nusantara Studies*, 6(1), 176-198.
- Othman Mohd. Yatim & Abdul Halim Nasir. (1990). *Epigrafi Islam terawal di Nusantara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohd. Yatim & Abdul Halim Nasir. (2007). *Epigrafi Islam terawal di Nusantara*. (2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Prisca C. Simotwo. (2019). An analysis of linguistic choices in Kalenjin narratives relating to protection of animals. *Language and Ecology*, 1-24. [<http://ecolinguistics – association. org. journal/>]
- R.J. Wilkinson. (1903). *Kamus-Jawi-Melayu-Inggeris*. Kelly & Walsh Ltd.

- Stibbe, A. (2012). Ecolinguistics and globalization. Dlm. Nikolas Coupland (Ed.), *The Handbook of language and globalization*. John Wiley & Sons, 413-418. <http://eu.wiley.com/WileyCDA/WileyTitle/productCd-111834717X.html>
- Stibbe, A. (2015). *Ecolinguistics: Language, ecology and the stories we live by*. Routledge.
- Todd LeVasseur, (2014). Defining “Ecolinguistics?”: Challenging emic issues in an evolving environmental discipline. *Journal of Environmental Studies and Sciences*. 3, 1-7.

Sumber Internet

- Nama Kampung di Batu Caves: [<https://www.selangor.gov.my/gombak>]. Dicapai 30 Ogos 2022
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu : [<http://prpm@dbp.gov>]. Dicapai 9 Ogos 2022
- Berita Astro Awani : [<http://astroawani.com>]
- Berita Harian Online: [<http://beritaharian.com>]

Lampiran 1

Gambar Kerosakan Akibat Banjir

Rajah 3: Banjir Lumpur



Rajah 4: Harta Musnah

